

Historiografi Ideologi Moden Barat: Suatu Pengenalan

Muhammad Nasron Yaacob
drnasron@gmail.com
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

ABSTRAK

Kajian ini menerangkan tentang kelahiran ideologi moden dari aspek historiografi, dan faktor penguasaan dunia oleh Barat dengan ideologi moden tersebut. Kehadiran ideologi moden ke dalam dunia umat Islam telah menjadi suatu bahaya yang mengancam akidah kepada umat Islam. Penjelasan ilmiah tentang hal ini perlu diwacanakan kepada umat Islam dan masyarakat umum agar status sebenar sejarah ideologi moden dan ancumannya dapat difahami secara jelas. Objekif kajian ini ialah membentangkan sejarah kemunculan ideologi moden di Barat dan penjelasan tentang situasi sebenar faktor kemunculannya. Dari sini, umat Islam seharusnya mendapatkan persepsi yang jelas terhadap realiti ideologi moden Barat ini. Metodologi penulisan kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data dan fakta yang diperolehi daripada buku-buku dan dokumen yang berkaitan sejarah pemikiran Barat dan ideologi moden. Data lebih fokus kepada situasi peralihan persepsi masyarakat Barat daripada persepsi beragama kepada sekular, seterusnya pengaruh peralihannya ke dunia pemikiran umat Islam. Kajian menunjukkan ideologi moden yang menjadi anutan masyarakat Barat adalah suatu fahaman yang berasaskan sikap permusuhan dan kekecewaan terhadap gereja dan agama Kristian sehingga menghukumkan semua agama termasuk Islam adalah mempunyai standard kejumudan yang setaraf. Adaptasi ideologi moden Barat kepada masyarakat Islam adalah suatu yang tidak wajar kerana Islam tidak pernah merekodkan jenayah pemikiran yang buruk kepada umat Islam sebagaimana rekod buruk gereja dan Kristian kepada masyarakat Barat.

Kata Kunci: Historiografi; Ideologi Moden; Barat; Pengenalan

A Historiography of Modern Western Ideology: An Introduction

ABSTRACT

This study describes the birth of modern ideology from the aspect of historiography, and the factors of world domination by the West with such modern ideology. The presence of modern ideology into the world of Muslims has become a danger that threatens the faith of Muslims. Scientific explanations on this need to be discussed to Muslims and the general public so that the true status of modern ideology's history and its threats can be clearly understood. The objective of this study is to present the history of the emergence of modern ideology in the West and an explanation of the actual situation of its emerging factors. From here, Muslims should get a clear perception of the reality of this modern Western ideology. The methodology of writing this study uses the method of content analysis of data and facts obtained from books and documents related

to the history of Western thought and modern ideology. The data is more focused on the situation of the transition of perceptions of Western society than the religious perceptions of the secular, hence the influence of its transition to the world of Muslim thought. Studies show that modern ideology which is the creed of Western society is an ideology based on the attitude of hostility and frustration towards the church and Christianity to the point of condemning all religions including Islam to have equal standards of existence. The adaptation of modern Western ideology to the Muslim community is inappropriate because Islam has never recorded a crime of bad thinking towards Muslims as the bad record of the church and Christianity to the Western society.

Keywords: Historiography; Modern Ideology; West; Introduction

PENDAHULUAN

Ideologi moden adalah faham dan pemikiran dari Barat yang dibawa masuk ke dalam dunia umat Islam melalui arus kemodenan dan kemajuan dunia. Umat Islam diajarkan bahawa kemajuan dan kemodenan tidak akan dapat dicapai kecuali jika sudah bersedia menerima wajah sekular melalui pakej kemodenan Barat. Kekuatan ekonomi dan pengaruh politik yang dimiliki Barat menjadikan kempen ideologi mereka terpaksa diterima oleh dunia umat Islam. Walaupun nama seseorang itu digambarkan sebagai Muslim, namun gaya hidupnya jelas sekali serupa dengan gaya hidup Barat yang anti Islam.

Sehubungan itu, masyarakat Muslim perlu disedarkan tentang historiografi dan konsep ideologi moden, serta perancangannya dengan Islam dan bahaya ancamannya. Historiografi bererti prinsip atau kaedah pengajian sejarah, penulisan dan karya atau hasil penulisan berkaitan dengan sejarah (Baharom, 2000). Berasaskan kesedaran humanisme dan liberalisme yang dicetuskan oleh sekularisme dan ikatannya dengan ideologi moden, umat Islam akan sanggup meninggalkan ajaran Islam bagi mencapai kemodenan seperti yang dikecapi oleh Barat. Mereka tidak merasa bersalah ketika hanya beramal dengan sebahagian hukum agama manakala yang selebihnya diabaikan. Sedangkan sikap seumpama ini adalah dilarang dan telah diperingatkan kesalahannya oleh al-Quran dengan hukuman kehinaan di dunia dan dengan azab yang dahsyat pada hari akhirat nanti, sebagaimana peringatan ayat 85 surah al-Baqarah (Ibn Kathir, 1994). Ini satu contoh wabak sekular yang melanda umat Islam masa kini. Tanpa iman dan kesedaran yang sebenar, umat Islam akan terus hanyut dalam arus deras ideologi moden yang berselindung di sebalik status kemodenan dan kemajuan.

Kekeliruan umat Islam dalam hal itu berlaku antara sebabnya kerana kurang ilmu dan maklumat tentang ancaman ideologi moden. Kerana itu kempen kesedaran ancaman ideologi moden perlu disebarkan kepada umat Islam secara ilmiah dan teratur. Untuk itu, perbincangan ilmiah secara sistematik berkenaan ideologi moden dari aspek sejarah atau historiografi perlu diketengahkan kepada pengetahuan dan maklumat awam bagi tujuan penghindaran dari bahaya dan ancamannya. Umar al-Khattab RA sendiri pernah memperingatkan umat Islam pada zamannya tentang kepentingan memahami bahaya dan ancaman jahilia yang pernah wujud dalam masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam (al-Nadawi, t.t.), yang dapat diumpamakan dengan bahaya dan ancaman ideologi moden pada hari ini:

“Yang meleraikan ikatan Islam satu persatu ialah seseorang yang lahir dalam Islam tetapi tidak tahu tentang jahiliah”.

Huzaifah bin al-Yaman pernah meriwayatkan pertanyaannya kepada Rasulullah SAW tentang kejahatan (al-Bukhari, 1998: 689):

Orang ramai biasanya menanyakan Rasulullah SAW tentang kebaikan, sedang aku menanyakan baginda tentang kejahatan kerana bimbang menimpaku.

TAKRIF IDEOLOGI MODEN

Ideologi berasal dari bahasa Greek yang terdiri dari dua perkataan iaitu *idea* dan *logos*. *Idea* bererti buah fikiran, dan *logos* pula bermaksud kaedah. Ideologi bermaksud faham yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan dan lain-lain (Baharom, 2000). Moden pula bermaksud masa kini dan mutakhir (Baharom, 2000). Ideologi moden bermaksud faham-faham yang baru lahir terutama semasa zaman *Renaissance* di Eropah bermula kurun ke-14 dan berada di kemuncak pada kurun ke-18 dan 19 (Noordin, 2001). Ideologi moden juga dirujuk pada istilah isme (*ism*) yang bererti kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan dan juga sikap serta perlakuan (Baharom, 2000).

ISME DALAM IDEOLOGI MODEN

Ideologi moden diwakili oleh pelbagai istilah yang mempunyai pengertian isme tertentu, antaranya ialah sebagaimana pada kerangka jadual di bawah (Baharom, 2000):

Jadual 1. Contoh isme dalam ideologi moden.

<p style="text-align: center;">Sekularisme</p> <ul style="list-style-type: none"> Faham atau doktrin yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia. 	<p style="text-align: center;">Humanisme</p> <ul style="list-style-type: none"> Faham yang mengutamakan nilai-nilai, kepentingan, dan maruah manusia. 	<p style="text-align: center;">Liberalisme</p> <ul style="list-style-type: none"> Fahaman yang liberal, mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi.
<p style="text-align: center;">Materialisme</p> <ul style="list-style-type: none"> Fahaman atau falsafah yang mempercayai bahawa hanya bendalah yang menyebabkan adanya dan terjadinya segala sesuatu dalam dunia ini. 	<p style="text-align: center;">Rasionalisme</p> <ul style="list-style-type: none"> Fahaman bahawa taakulan adalah asas yang paling baik dalam melakukan sesuatu tindakan dan menyelesaikan masalah. 	<p style="text-align: center;">Empirisisme</p> <ul style="list-style-type: none"> Doktrin bahawa pengalaman praktis (bukan teori) adalah asas pengetahuan.

Kemunculan contoh isme dari ideologi moden di atas adalah dihasilkan melalui proses pengalaman politik dan pemikiran di Eropah. Semua ideologi moden tersebut mempunyai pengertian dan agendanya tersendiri, namun dapat disatukan melalui satu idea, iaitu sekularisme yang menolak dan menysihkan nilai agama dalam kehidupan. Penolakan agama dan penyisihannya inilah menjadi titik penyatu dalam komponen ideologi moden.

SEJARAH IDEOLOGI MODEN

Kelahiran ideologi moden sangat berkait rapat dengan zaman *Renaissance* selepas sekian lama Eropah berada dalam zaman kegelapan (*The Dark Age*). Keistimewaan zaman *Renaissance* ialah memberi lebih peluang kebebasan bagi individu dari segi agama, penulisan, kebudayaan serta kesedaran dan pencapaian yang cemerlang dalam sastera dan sains (Noordin, 2001). Dengan kebebasan tanpa pertimbangan agama ini akal telah memainkan peranan sebeb- bebasnya sehingga lahirlah ideologi-ideologi moden yang menggantikan agama sebagai penentu hala tuju kehidupan.

Sepanjang perjalanan sejarahnya, Eropah telah mengalami tiga zaman iaitu zaman klasik (*The Classical Period*) yang berlaku sebelum abad ke-5 M, kemudian zaman pertengahan (*The Middle Ages*) yang berlangsung pada abad ke-5 M sehingga abad ke-17 M, dan zaman moden (*The Modern Era*) yang berlangsung pada abad ke-18 M sehingga kini. Zaman pertengahan mengandungi zaman kegelapan (*The Dark Ages*) yang diselangi dengan zaman *Renaissance* dan zaman pencerahan (*The Age of Enlightenment*), sebelum memasuki zaman moden (Noordin, 2001). *The Dark Ages* berlangsung sejak abad ke-5 sehingga abad ke-14, diikuti zaman *Renaissance* dan zaman pencerahan (*The Age of Enlightenment*) sehingga abad ke-17, sebelum memasuki zaman moden pada abad ke-18 dan 19.

The Classical Period

Era klasik ini merujuk kepada tamadun Yunani kuno dan Romawi kuno yang pernah berkembang dan mendapat pengaruhnya di seluruh Eropah, Afrika Utara dan Timur Tengah. Era ini bermula melalui catatan awal puisi Yunani karya Homer pada abad ke-8 SM, dan berakhir dengan kebangkitan gerakan Kristian moden dan kejatuhan Rom Barat pada abad ke-5 M. Zaman Klasik diberi penekanan dan perhatian kerana sejarawan Barat menganggap zaman ini adalah permulaan kepada percambahan khazanah budaya dan perkembangan tamadun Eropah Moden. Zaman ini turut menyumbang dalam pembangunan pelbagai aspek kehidupan sebagai contoh dalam perkembangan politik, falsafah dan kebudayaan. Zaman Klasik Eropah boleh dirujuk kemunculannya di bahagian selatan benua Eropah berdekatan Laut Aegean. Jika dirujuk kepada peta dunia zaman sekarang, permulaan kepada lokasi zaman Klasik ialah di negara Greece yang terletak di Timur Itali dan Barat Turki.

Tamadun Yunani

Pengetahuan awal tentang sejarah Yunani awal ialah bermula selepas tahun 2000 SM. Dalam beberapa abad sekitar tahun ini, tanah besar Yunani dan kepulauan Aegia tetap mundur berbanding tamadun Crete pada waktu itu. Kemajuan berperingkat mula dikesan wujud di tanah

besar Yunani kira-kira tahun 1600 SM. Hal ini berasaskan bandar-bandar di Mycenae, Yunani yang memiliki kubu-kubu kukuh di samping peninggalan arkeologi daripada senjata dan baju besi yang berjaya mengatasi kemajuan Crete pada zaman itu (William, 1994). Zaman emas Yunani terserlah dalam tempoh 500-336 SM sebagai zaman paling hebat dalam sejarah. Ia bermula ketika Xerxes anak kepada Darius penguasa Parsi menaiki tahta pada tahun 485SM bercita-cita meneruskan tradisi pemerintah Parsi sebelumnya seperti Cyrus, Cambyses dan Darius sendiri, dengan berusaha menyempurnakan penaklukan dan penguasaan ke atas Yunani. Ketika kebanyakan pihak menganggap Parsi akan mudah menawan Yunani, sebuah gabungan kira-kira 20 kota Yunani di bawah kepimpinan Athens berjaya menewaskan Parsi dan membebaskan beberapa kota Yunani dan bukan Yunani dari penaklukan Parsi dalam tempoh masa sehingga ke tahun 448 SM. Punca utama kemenangan Athens ialah memiliki kekuatan 200 buah kapal perang laut jenis terbaru, di samping keyakinan warga Athens sendiri dalam mendepani tentera Parsi. Dalam tempoh tersebut bandar Athens menjadi maju kerana tumpuan perdagangan daripada masyarakat luar, dan corak kehidupan demokrasi yang memuaskan hati segenap lapisan masyarakat Athens. Namun penguasaan Athens tidak bertahan lama selepas mengalami kekalahan dalam perang saudara Peloponesia (431-404 SM) sehingga Yunani kemudiannya dikuasai pula oleh Sparta, Thebes dan Macedonia (William, 1994).

Athens juga dalam zaman gemilangnya telah berjaya mencapai kecemerlangan falsafah, selepas kedatangan para ahli sophist yang memperkenalkan kemahiran dan pengetahuan kemajuan sebagai sebuah negara demokratik. Perkembangan falsafah di Athens telah melahirkan tokoh-tokoh seperti Socrates (469-399 SM), Plato (427-347 SM) dan Aristotle (348-322 SM) yang mewarnai kemeriahan kemajuan falsafah Yunani. Macedonia antara negara yang dipengaruhi oleh *hellenisasi* (berasaskan budaya) Yunani, terutama dalam bidang ketenteraan sehingga berjaya membentuk pasukan tentera Macedonia yang kuat khasnya semasa zaman pemerintahan raja Philip dan anaknya Iskandar (Alexander). Iskandar sendiri membawakan identiti *hellenisme* dalam dirinya semasa menyerang Parsi pada 334 SM, di samping menyebarkan ciri-ciri ketenteraan Yunani dan kegiatan bersukan cara Yunani sebagai suatu gaya yang dibawanya (William, 1994: 260). Yunani juga terkenal dengan tokoh karya sastera seperti Homeros yang merupakan pengarang epik Yunani dalam menghasilkan karya-karya awal Yunani, antaranya Iliad dan Odyssey (Susmihara, 2017).

Pengaruh budaya Yunani (*hellenisme*) dari segi ketenteraan dan politik mula kehilangan momentumnya kira-kira 200 SM dan telah menjadi suatu negara yang lemah. Ini dapat disaksikan ketika mudahnya tentera Rom menewaskan Yunani semasa serangan ke atas Macedonia dan Yunani antara tahun 200 hingga 146 SM. Tanah takluk Yunani di Seleucid juga telah jatuh ke tangan Shakas antara tahun 165 hingga 128 SM, sebagaimana jatuhnya Mesopotamia ke tangan orang Partia (William, 1994). Kejayaan Rom menawan Corinth pada 146 SM menjadi simbol kejatuhan kuasa Yunani daripada tampuk pemerintahan dunia yang disegani sebelum ini.

Tamadun Rom

Sejarah Rom di Eropah melalui tiga zaman iaitu zaman beraja (753-509 SM), zaman republik (509-27 SM), dan zaman kegemilangan Rom iaitu zaman pemerintahan berempayar (27SM-476 M). Kerajaan Rom pada zaman beraja diketuai oleh seorang raja tetapi dibatasi oleh Majlis yang terdiri daripada 300 orang ahli. Majlis ini terdiri daripada golongan bangsawan

(Patricians) yang menguasai sumber ekonomi masyarakat, manakala golongan pertengahan (Plebian) pula adalah golongan bukan bangsawan. Golongan terbawah adalah terdiri daripada golongan hamba. Zaman beraja Rom berakhir dengan penyingkiran Tarquin the Proud dari tahtanya pada tahun 509 SM, yang menandakan permulaan zaman republik. Rom ditadbir oleh Majlis yang terdiri daripada dua orang yang dipilih menjadi pemimpin secara bersama. Majlis pula dibantu oleh Senat yang terdiri daripada 300 orang perwakilan dari pelbagai bidang. Sistem pemerintahan republik telah membuka jalan kepada kemunculan para pemeritah diktator, dan antara yang tersohor ialah Caesar. Caesar memimpin Rom bermula tahun 49 SM dengan membawakan perubahan besar kepada sistem pemerintahan Rom, sehinggalah dia dibunuh pada tahun 44 SM. Suasana menjadi kelam kabut sehinggalah kemunculan Octavian (Augustus) pada 27 SM yang menjadi maharaja pertama Rom melalui sistem Empayar Rom yang menggantikan sistem republik sebelum ini. Kerajaan Rom yang dipimpin oleh Augustus pada 27 SM berjaya melalui zaman kegemilangannya (Pax Romana/Roman Peace) selama 200 tahun bermula tahun 27 SM sehingga 180 M. Kegemilangan tersebut diukur berdasarkan perkembangan empayar Rom yang menguasai tiga benua iaitu benua Eropah, Asia dan Afrika (Sivachandralingam, 1996).

Empayar Rom mengalami zaman kemerosotan secara evolusi selepas tempoh Pax Romana dan berakhir dengan kejatuhan Rom Barat pada tahun 476 M. Puncaknya ialah serangan bertali arus puak gasar dari sekitar benua Eropah sendiri. Bangsa Gasar tersebut antaranya ialah Goths. Mereka adalah daripada dua kumpulan iaitu Visigoths di Sepanyol dan Ostrogoths di utara Itali. Pada tahun 410 M, Visigoths berjaya mengatasi kerajaan Rom untuk terus mara sehingga ke Gaul (Perancis) dan mendirikan kerajaan Toulouse. Kerajaan ini bertahan selama seratus tahun sebelum ditawan oleh puak gasar Frank. Selain itu puak Vandals juga menjadi sebab kejatuhan Rom. Kumpulan ini menyerang Rom dan memusnahkan Gaul, Sepanyol, Afrika dan Carthage pada tahun 455 M. Kumpulan ini dinamakan vandals merujuk pada serangan mereka yang membinasa dan merosakkan lokasi yang diserang. Namun tahun 533 M menyaksikan kekalahan mereka kepada jeneral Rom Timur Belisaiuss yang dihantar oleh Maharaja Justinian memusnahkan kerajaan mereka. Anglo Saxon (English) juga adalah satu bangsa yang diakui sebagai bangsa asal dan nenek moyang bagi orang Inggeris pada hari ini. Mereka berasal dari Jerman yang berhijrah ke tanah Inggeris sehingga membentuk Britain moden. Penguasa-penguasa Rom Barat mula meninggalkan penempatan masing-masing di Britain pada tahun 410 dan 442 M sehingga memberikan peluang kepada kumpulan gasar Anglo Saxon menyusup masuk ke dalam negara yang porak peranda itu. Mereka tidak menyingkirkan orang Britain tetapi diserapkan ke dalam pemerintahan dan struktur masyarakat mereka. Franks pula adalah satu bangsa yang berasal dari Jerman yang membuat penempatan di utara Gaul dan menyatukan wilayah Jerman selepas kejatuhan empayar Rom Barat (Sivachandralingam, 1996).

The Middle Ages

The Middle Ages adalah merujuk pada zaman pertengahan Eropah yang bermula pada abad ke-5 SM sehingga abad ke-18 M. Era ini dikuasai oleh pengaruh agama Kristian melalui institusinya iaitu gereja. Boleh dikatakan seluruh nilai kehidupan masyarakat Eropah, kandungan ilmu dan asasnya telah dikuasai dan dipengaruhi oleh agama Kristian dan gereja (Sivachandralingam, 1996). *The Middle Ages* atau zaman pertengahan Eropah ini mengandungi

tiga era yang tersusun secara berturutan, iaitu *Dark Age* (5-14 M), *Renaissance* (14-16 M) dan *Enlightenment* (17-18 M).

Dark Age

Dark Age merupakan suatu tempoh masa di mana akal dan pemikiran dipengaruhi oleh gereja. Masyarakat Eropah sangat bergantung harap kepada gereja untuk memimpin mereka terutama ketika berdepan dengan pengaruh tamadun Islam pada waktu ini. Kepercayaan yang diberi kepada gereja inilah yang meletakkan Eropah berada dalam zaman kegelapan kerana gereja gagal menjalankan peranannya sebagaimana yang diharapkan (Yusof, 1991). Malah gereja sendiri melakukan kesalahan berikut:

1. Gereja Katolik Rom mendakwa paderi-paderi gereja adalah perantara di antara penganut Kristian dengan Tuhan. Umpamanya meminta keselamatan (*salvation*) dan pengampunan dari dosa hanya boleh dibuat melalui cara pengakuan (*confession*) kepada seorang paderi (*priest*). Setelah paderi mendengar dan menyoal untuk mendapat penjelasan, barulah boleh memberi pengampunan. Pihak gereja juga menjual sijil pengampunan untuk menempah syurga bagi sesiapa yang membuat bayaran yang tinggi (Noordin, 1998).
2. Ilmu dan sains dianggap musuh bagi agama. Kerana itu mempelajari ilmu dan sains adalah haram menurut gereja dan perlu dikenakan hukuman yang berat termasuklah hukuman mati. Sikap gereja ini sebenarnya dipengaruhi oleh dua sentimen berikut (Noordin, 1998):
 - a. Ilmu dan sains datangnya daripada universiti-universiti Islam di Andalus (Sepanyol).
 - b. Para pelajar Eropah yang menginginkan kepakaran dalam bidang kejuruteraan, matematik, astronomi, kimia, fizik, geografi dan lain-lain perlu belajar hanya di universiti Islam di Andalus sahaja.

Apabila mereka kembali ke Eropah bermakna mereka membawa balik ilmu orang-orang Islam dan bercakap-cakap dalam bahasa Arab. Hal ini akan menjatuhkan kredibiliti gereja di mata masyarakat Eropah. Kerana itu gereja menghukumkan bahawa ilmu dan sains adalah musuh agama.

Seramai 340,000 orang telah dihukum mati dan hampir 32,000 orang telah dibakar hidup-hidup hasil dari keputusan mahkamah yang ditubuhkan bagi menghakimi kesalahan mempraktikkan ilmu dan melawan gereja. Antara pesalahnya ialah Jurdano Bruno yang mengajar bahawa selain bumi masih ada planet-planet yang lain, dan Galileo yang mengajar bahawa planet bumi sebenarnya mengelilingi matahari, dan De Romans yang mengatakan bahawa pelangi bukan busur panah Tuhan tetapi suatu tindak balas cahaya matahari dengan titisan air di udara (Shawqi, 1994).

Penyelesaian terbaik bagi permasalahan *Dark Age* itu ialah sekularisme. Justeru gerakan sekularisasi sememangnya dicetuskan oleh pendokong zaman kesedaran *Renaissance* melalui penyebaran pelbagai teori berkaitan sikap, psikologi, tuntutan serta hak sosio-politik dan keagamaan. Dari sudut lain, teori itu diwacanakan bagi tujuan mengenenepikan penguasaan agama yang mencengkam itu. Sekularisasi itu juga bertujuan menggantikan teori-teori lama yang sudah kuno dan lapuk yang perlu digantikan dengan teori-teori baru dan semasa (Yusof, 1991).

Renaissance

Secara etimologi, *Renaissance* bererti “kelahiran kembali” atau “kebangkitan kembali”. *Renaissance* sebenarnya berasal dari bahasa perancis; “*re*” (lagi, kembali) dan “*naissance*” (kelahiran). Dalam bahasa latin (Itali), istilah *Renaissance* berasal dari kata “*nascentia*”, “*nascor*”, atau “*natus*” yang sama erti dengan kelahiran, lahir atau dilahirkan. Ia dikatakan bermula pada abad ke-14M (Encyclopaedia Britannica, 1973) yang membawa agenda pencerahan kembali dan kesedaran baru terhadap manusia selepas sekian lama dibelenggu oleh ajaran gereja dan sistem feodal yang sedia ada.

Pemodenan Eropah melalui *Renaissance* adalah bersumberkan kemajuan ilmu yang dibina oleh umat Islam di Sepanyol. Gustave Le Bon (1841-1931 M) yang menegaskan demikian kemudian menambah bahawa jika umat Islam berjaya sampai ke Perancis seperti Sepanyol, tentunya Paris akan menjadi pusat perkembangan ilmu sebagaimana Granada di Sepanyol (Encyclopaedia Britannica, 1973). Antara tokoh yang mengemudi *Renaissance* Eropah ialah Dante Alighiere (1265-1321), Francesco Petrarch (1304-1374), Giovanni Boccaccio (1313-1375), Geoffrey Chaucer (1340-1400), Leon Batista Alberty (1404-1472), Leonardo Da Vinci (1452-1519), Niccolo Machiavelli (1469-1527), Desiderius Erasmus (1466-1536), dan Jean Bodin (1530-1596). Tokoh lain ialah seperti Michelangelo (1475-1564) merupakan tokoh seni, arkitek, jurutera, penyair dan ahli anotomi. Copernicus (1473-1543) dan Galileo Galilei (1564-1642) sebagai tokoh sains. Tartaglia (1499-1557) menjadi orang pertama yang menggunakan konsep matematik dalam ketenteraan iaitu mengukur tembakan peluru mariam. Cardan (1501-1576) terlibat dalam penghasilan ilmu algebra. Tokoh perubatan seperti William Harvey (1578-1657) yang telah memberi sumbangan dalam kajian peredaran darah.

Renaissance tercetus di Barat kerana masyarakat Eropah bermula pada abad ke-14 ingin kembali ke zaman kegemilangan Greek dan Rom (Sivachandralingam, 1996), selepas melalui kedukaan tamadun sepanjang era *Dark Age*. Hakikatnya, semangat *Renaissance* masyarakat Eropah untuk menjadi manusia baru telah melahirkan humanisme, iaitu faham yang mengutamakan nilai-nilai, kepentingan dan maruah manusia (Baharom, 2000). Ia bermaksud manusia hanya perlu percaya kepada dirinya sendiri dan tidak perlu lagi percaya kepada agama dan Tuhan (Noordin, 1998). Serentak itu, faham-faham lain juga muncul dalam zaman *Renaissance* ini iaitu sekularisme, liberalisme, nasionalisme, agnotisme, skeptisme, materialisme, rasionalisme, empirisme dan seumpamanya. Semua faham ini walaupun disebut dalam banyak nama, tetapi berada dalam satu bekas fikiran iaitu membelakangkan Tuhan dan agama.

Pemikiran dan falsafah Barat dan Eropah adalah berteraskan pemikiran dan falsafah Yunani yang bersifat materialistik. Orang Yunani melihat tuhan dalam bentuk dan rupa sifat yang tergambar dalam berbagai corak dan warna secara fizikal dan rasionalistik tanpa menekankan unsur spiritual dan mistik. Kristian yang mendapat tempat pada peringkat awal di Eropah, akhirnya ditolak melalui faham sekular dengan kemuncaknya ialah berlaku reformasi agama oleh Martin Luther (1483-1546 M) sehingga membentuk mazhab baru Kristian iaitu Protestan. Kedatangan *Renaissance* berserta perkembangan sains yang pesat semakin membelakangkan peranan agama dalam masyarakat Kristian Eropah (Noordin, 1998).

Kesan daripada zaman *Renaissance* ialah bahawa ia telah melahirkan aliran pemikiran moden yang membebaskan pemikiran rakyat dari belenggu dan kongkongan adat dan minda berjaya melahirkan masyarakat berfahaman humanisme, individualisme, sekularisme, skeptikal,

berasaskan kebebasan akal yang berani mempersoalkan kepercayaan dan cara pemikiran lama yang diamalkan selama ini yang secara langsung melemahkan pengaruh golongan feodal dan gereja. Pertembungan budaya Barat dengan Islam di timur memupuk semangat kematangan Barat dalam rasional dan pembinaan kehidupan dan budaya hidup yang baru dan moden.

Kesan lain pula ialah memupuk semangat negara bangsa dalam warga Eropah. Sebelum era negara bangsa, seseorang yang lahir di Perancis tidak terfikir dia adalah orang Perancis. Sebaliknya kesetiaan hanya diberikan kepada para tuan tanah yang berpengaruh pada zaman pertengahan itu, dan mereka lebih dikenali sebagai bangsa Norman, Briton dan Burgundians. Demikianlah yang berlaku di tempat-tempat lain di seluruh Eropah seperti di Perancis, England dan Sepanyol. Dengan kemunculan *Renaissance*, negara bangsa mula terbentuk. Sistem feodal yang menguasai tanah mula merosot, perdagangan dan perindustrian berkembang pesat, sebuah kerajaan beraja dengan kemudahan ekonomi yang boleh mengatasi pengaruh golongan feodal mula mendapat kuasa dan pengaruh yang besar. Justeru negara bangsa atau dikenali juga dengan monarki kebangsaan, mula terbentuk berasaskan faktor-faktor tadi, ditambah dengan bantuan praktikal bahasa kebangsaan oleh rakyat negara tersebut (Sivachandralingam, 1996).

Reformasi agama juga meletus hasil pengaruh *Renaissance*. Ia merujuk kepada revolusi agama abad ke-16 yang membahagikan dunia Kristian kepada dua blok iaitu Katolik dan Protestan (Encyclopaedia Britannica, 1973). Gerakan ini bermula di Jerman oleh Martin Luther (1483-1546) seorang sarjana agama Kristian keturunan Jerman. Martin Luther percaya semua kepercayaan perlu dirujuk langsung kepada Injil dan semua penganut berhak memahaminya sendiri tanpa perlu terikat dengan bahasa Latin. Faktor kemunculan reformasi ini ialah isu sumber kewangan Paus, penciptaan alat cetak, kemunculan humanis, korupsi gereja dan kehendak putera raja Jerman (Sivachandralingam, 1996).

Selain daripada melahirkan tokoh-tokoh ilmu dan sains seperti Leonardo Da Vinci, Michelangelo merupakan tokoh seni, arkitek, jurutera, penyair dan ahli anatomi, Copernicus, Galileo dan lain-lain lagi, *Renaissance* juga telah melahirkan masyarakat yang lebih progresif sehingga membawa kepada aktiviti penjelajahan, pelayaran dan penerokaan. Selain itu, revolusi perindustrian juga meletus yang ia adalah merujuk kepada perubahan pesat dalam kaedah pengeluaran barangan selain pertanian, yang tidak lagi menggunakan tangan tetapi menggunakan mesin dan proses kimia, dan ia adalah melibatkan bidang industri, sosial dan intelektual. Justeru revolusi ini mengubah negara-negara Barat daripada negara pertanian dan ekonomi komersial kepada negara perindustrian. Kesan daripada revolusi perindustrian ialah kemajuan dalam urusan pengangkutan, penghijrahan penduduk yang ketara, pertambahan penduduk pada populasi tertentu, perluasan perdagangan antarabangsa, perubahan gaya hidup anggota masyarakat dan perubahan pemikiran politik yang melahirkan masyarakat sosialisme daripada kapitalisme dan materialisme (Sivachandralingam, 1996).

Enlightenment

Era yang mewakili abad 17-18 M ini ialah era pencerahan yang sebenarnya merujuk kepada perubahan cara pemikiran masyarakat Eropah selepas zaman *Dark Ages* dan *Renaissance*. Ia melibatkan perkembangan dalam tahap kebijaksanaan, kesedaran, kebudayaan, pendidikan, kepercayaan dan kefahaman (Kamal, 2009). Di antara tokoh penting era ini ialah Voltaire (1694-1778), John Locke (1632-1704), Issac Newton (1643-1727), Baron de Montesquieu (1689-1755),

David Hume (1711-1776), Jean d'Alembert (1717-1783), dan Jean Jacques Rousseau (1712-1778).

Renaissance yang dikira sebagai langkah awal proses kematangan dan pemodenan Eropah, telah berjaya beralih ke langkah yang lebih jauh dan moden pada era *Enlightenment* (Ramli, 2014). Sumbangan John Locke dan Issac Newton telah memberikan kesan yang besar kepada skop pemikiran secara saintifik dalam memajukan ilmu sains dan teknologi. Kalau John Locke lebih terkenal dengan teori epistemologi empirikal yang meletakkan pengalaman sebagai asas pengetahuan (Randall, 1962), Newton pula lebih terkenal dengan teori graviti dan ilmu pengetahuan moden yang dilihat memberikan impak besar pada kemajuan. Rene Descartes (1596-1650) pula telah mencipta satu kaedah yang sistematik berkaitan dengan setiap perkara yang boleh dipersoalkan haruslah dibuang. Beliau turut menolak sebarang kepercayaan yang sebelumnya diperolehi melalui deria dan beliau memberikan alasan bahawa deria adalah sesuatu yang tidak boleh dipercayai. Oleh itu, atas dasar ini beliau mendakwa bahawa hanya sesuatu perkara yang mempunyai alasan atau sebab yang kukuh adalah sumber ilmu pengetahuan (rasionalisme) yang boleh dipercayai (Hyland, Gomez, & Greensides, 2003). Demikianlah tokoh-tokoh *Enlightenment* lain dengan kelengkapan kepakaran masing-masing memainkan peranan membina kemajuan dan pemodenan Eropah pada kurun 18 M.

The Modern Age

Zaman moden Barat mula berlangsung pada abad ke-18 M (Noordin, 2001). Ia dianggap satu dunia baru yang penuh dengan kemajuan dan kemodenan sejagat. Pada era ini, Barat telah berjaya keluar dari belenggu zaman kegelapan yang pernah dilalui sebelum ini. Modenisme Barat ini sebenarnya terdiri dari tiga dasar idea utama iaitu ateisme-agnostisme (kewujudan Tuhan diragui), immanentisme (alam wujud sendiri) dan rasionalisme (Khalif, 2006). Di antara tokoh zaman moden yang membawakan inspirasi moden ialah Robert Owen (1771-1858) pejuang sosialisme, Auguste Comte (1798-1857) pejuang humanisme, Karl Marx (1818-1883) pejuang komunisme, John Hick (1922-2012) pejuang pluralisme. Modenisme Barat telah berjaya menggerakkan rakyat untuk mencipta revolusi. Hasil revolusi tersebut mencetuskan keajaiban ekonomi yang meluaskan pengaruh ekonomi dan politik Barat terhadap dunia.

Revolusi Perancis

Revolusi Perancis (1789–1802) dianggap titik sejarah yang berjaya menukar arus sejarah dunia dengan mengubah sistem masyarakat feudal kepada menjadi masyarakat moden yang lebih terbuka. Sebelum tercetusnya revolusi ini, rakyat Perancis menganggap raja mendapat mandat tuhan yang membolehkannya mendapat kepatuhan penuh daripada rakyat. Maka tahun 1789 telah mencatatkan pengakhiran bagi kerajaan beraja yang diperintah oleh Raja Louis XVI pada waktu itu, sekaligus mencetuskan perubahan pesat dalam bidang ekonomi, politik dan sosial yang kemudian menyemarak ke seluruh Eropah (Sivachandralingam, 1996). Sebab utama berlakunya revolusi Perancis adalah:

1. Pengaruh para pemikir *Enlightenment*.

Faktor cendekiawan dan pemikir Enlightenment menjadi faktor terpenting revolusi Perancis. Faktor ini menentang kepatuhan buta tuli rakyat kepada pemerintah dan gereja. Idea dan fahaman baru cetusan tokoh seperti Montesquie (1689-1755), Voltaire (1694-1778) dan Rousseau (1712-

1778) menolak prinsip pemerintahan berasaskan mandat tuhan, memuji England yang mengadakan sistem monarki terhad dan pelaksanaan hak-hak sivil, serta penyebaran idea persamaan hak bagi rakyat. Idea utama yang dipopularkan dalam tempoh tersebut ialah “Kebebasan, Persamaan dan Persaudaraan” (Sivachandralingam, 1996). Justeru revolusi Perancis menolak sistem feodal dan pengaruh agama daripada terus membelenggu pemikiran dan sistem perundangan masyarakat.

2. Kelemahan pemerintahan Raja Louis XVI.

Raja Louis XVI (1754-1793) berasal daripada keluarga Bourbon dan biasa hidup mewah tanpa mempedulikan kebajikan rakyat. Urusan pemerintahan juga lebih dimonopoli oleh wanita-wanita istana, para pembesar dan golongan paderi yang hanya mengutamakan kepentingan sendiri sahaja. Ketika rakyat yang kebanyakannya dikerah membayar cukai, golongan pembesar dan paderi dikecualikan dari sistem percukaian negara (Sivachandralingam, 1996).

3. Masalah ekonomi.

Kelemahan ekonomi kerajaan Perancis menjadi ketara akibat tiga peperangan besar iaitu Perang Tujuh Tahun (1756-1763), Perang Kemerdekaan Amerika (1775-1783), dan Perang Austria. 70 peratus daripada hasil negara digunakan untuk membiayai peperangan-peperangan ini. Sistem cukai yang tidak adil telah dikenakan ke atas rakyat sedang golongan paderi (estet pertama) dan pembesar negara (estet kedua) dikecualikan daripadanya. Situasi yang menekan rakyat (estet ketiga) ini telah membuka jalan ke arah tercetusnya revolusi Perancis (Sivachandralingam, 1996).

4. Semangat nasionalisme.


Zaman pertengahan menyaksikan raja-raja berjaya mengatasi golongan tuan tanah dan feodal menyebabkan rakyat memberikan sepenuh ketaatan kepada raja. Lanjutan daripada itu, berlaku pemansuhan keistimewaan kelas-kelas tertentu dalam masyarakat Perancis antara tahun 1789-1795 menyumbangkan kepada pertumbuhan semangat kebangsaan dan nasionalisme Perancis. Nasionalisme memupuk kepercayaan bahawa kebajikan negara adalah tanggungjawab semua rakyat dan bukan hanya pihak pemerintah sahaja. Justeru selepas tahun 1815, nasionalisme ini tersebar dan mempengaruhi kebanyakan negara Eropah khususnya Jerman dan Itali (Sivachandralingam, 1996).

Para sejarawan menganggap revolusi Perancis sebagai titik sejarah dalam kelahiran semula personaliti masyarakat Barat. Ia dianggap lebih penting daripada revolusi Amerika (1776) dan revolusi Inggeris (1688). Sistem masyarakat feodal digantikan dengan sistem terbuka, dan memupuk kemerosotan pengaruh dan kedudukan agama dalam sistem pemerintahan dan pemikiran. Sebaliknya pengaruh pemikiran dan falsafah mula bertapak dan membiak. Maka akal diberikan peranan utama dalam menentukan nilai dan matlamat hidup. Justeru revolusi Perancis ditakrifkan sebagai pemisah antara peraturan lama berasaskan feodal dan agama dengan peraturan baru berasaskan akal dan liberalisme di Eropah (Ahmad, 2003).

Great Divergence

The Great Divergence adalah istilah yang dipopularkan oleh Kenneth Pomeranz (1958), yang juga dikenali sebagai keajaiban Eropah yang istilahnya telah dicipta oleh Eric Jones (1936) pada tahun 1981. Ia merujuk kepada proses di mana dunia Barat berjaya mengatasi kekangan pertumbuhan pra-modern (Broadberry & Gupta, 2006) dan muncul pada abad ke-19 sebagai tamadun dunia yang paling berkuasa dan kaya (Galor & Mountford, 2006), melampaui Medieval

India, Qing China, Dunia Islam, Joseon Korea, dan Tokugawa Jepun. Perkiraan Maddison (1926-2010) mengenai KDNK pada tahun 1990 dolar antarabangsa untuk negara-negara Eropah dan Asia yang terpilih antara 1500 dan 1950, menunjukkan pertumbuhan awal ekonomi pada abad ke-18, diikuti letupan mendadak ekonomi beberapa negara Eropah pada awal abad ke-19.



Carta 1. Pertumbuhan Ekonomi Dunia Abad ke-16 hingga 20.
File: Maddison GDP (Gross Domestic Product) per capita 1500-1950

Faktor utama proses transformasi *modern age* ialah peningkatan mendadak dalam daya pengeluaran industri terutama selepas meletusnya revolusi industri pada abad ke-18 M. Contohnya antara tahun 1750-an dan 1830-an, hasil pengeluaran industri berasaskan penjenteraan alat tenun di Britain telah mengalami peningkatan secara mendadak dan dramatik sehingga Britain tersohor sebagai negara perindustrian pertama di Eropah. Apabila negara Eropah lain dan Amerika Syarikat mengikuti haluan industri yang sehalu dengan Britain, mereka juga berjaya mengalami prestasi industri yang meningkat. Berbeza dengan perindustrian di China dan India yang bukan sekadar mengalami penurunan prestasi dalam pengeluaran, ekonomi negara juga merosot dan mengalami penyahindustrian akibat pasaran tradisi yang berjaya ditembusi oleh industri Eropah yang lebih bagus (Kennedy, 1994).

REVOLUSI BARAT DAN THE GREAT DIVERGENCE: CABARAN UMAT ISLAM

Sebagaimana yang disebutkan dalam kenyataan di atas, era revolusi moden yang berlaku di Barat telah berjaya memisahkan agama sebagai teras dalam kehidupan masyarakat Eropah. Pemisahan itu berlaku melalui praktikal Barat dengan ideologi moden seperti sekularisme, liberalisme, materialisme dan humanisme. Hasil pemisahan dan proses idealisasi itu telah menghasilkan suatu keajaiban ekonomi dalam dunia Barat yang disebut sebagai *The Great Divergence* atau *The European Miracle*. Barat mempromosikan fenomena revolusi dan kejutan ekonomi ini sebagai punca asas kepada kemajuan dan ketamadunan baru dunia. Dunia baru ini kemudiannya diiktiraf oleh masyarakat dunia masa kini sebagai satu kemajuan yang tiada tara dan paling moden.

Faktor kekuatan imperialisme Barat dan kemiskinan negara dunia ketiga yang sebahagiannya adalah daripada kalangan negara umat Islam, telah menjadikan tamadun Barat itu sebagai ikon kemajuan dan kemodenan. Keuntungan Barat dalam kempen ini disemarakkan lagi melalui kempen globalisasi pada kurun ke-21. Tujuannya untuk memastikan kelestarian pengaruh modenisasi Barat meninggalkan impak yang besar kepada kalangan negara umat Islam seluruh dunia. Hambatan modenisme akan menyisihkan umat Islam dari agama kerana prinsipnya yang paling utama ialah sekularisme (Abdullah, 1997). Umat Islam tidak akan mampu mengembalikan tamadun Islam yang cemerlang dahulu ketika mereka meninggalkan agama sendiri.

Ringkasnya, agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW muncul pada kurun ke-7 dan berkembang sehingga berjaya membentuk satu tamadun dunia yang besar. Pembentukan tamadun unggul itu sebenarnya bermula sejak pembinaan peribadi Muslim oleh Nabi Muhammad SAW dalam peribadi generasinya lagi (Khalif, 2009). Kejayaan Islam membina tamadun dan peradaban besar itu tidak berdasarkan faktor ekonomi seperti tamadun Barat, tetapi berasaskan akidah dan roh yang dipupuk oleh agama Islam. Justeru lakaran kemodenan yang dibentuk oleh tamadun Islam dan tamadun Barat adalah berbeza. Pembentukan tamadun Islam adalah berpaksikan akidah Islam sehingga membina tamadun manusia tanpa banyak gejala negatif. Sedang pembentukan tamadun Barat yang berpaksikan ekonomi dan material adalah tidak menitikberatkan nilai moral dan akhlak yang baik. Kerana itu persepsi umat Islam terhadap ideologi moden Barat perlu jelas dan selari dengan realiti ajaran Islam yang tidak pernah membawakan watak yang sama dengan Kristian dan gereja. Menghukumkan Islam berwatak seperti monopoli pengaruh gereja dan penyelewengan Kristian adalah langsung tidak tepat. Justeru, umat Islam masa kini perlu menyedari bahawa tamadun Islam yang pernah memimpin dunia satu ketika dahulu adalah tamadun yang menyebarkan kesejahteraan sejagat, manakala tamadun moden Barat sebagai pemacu utama proses pemodenan dunia pada hari ini sebenarnya membawa dunia ke dalam keruntuhan dan kehancuran pada nilai manusiawi itu sendiri.

KESIMPULAN

Dark Age memberikan pengajaran yang sangat berharga kepada Barat. Barat melihat bahawa faktor agama menjadi punca mereka terbelenggu sekian lama dalam kegelapan. Barat bertindak menyisihkan agama dan mula bangkit berdasarkan pengalaman yang ditempuhi dalam era *Renaissance* dan *Enlightenment*. Akhirnya barat berjaya berada di kemuncak dunia melalui era *modern* yang dihasilkan. Kejayaan Barat ini menjadi pengajaran dan teladan kepada masyarakat dunia termasuk umat Islam. Barat menekankan melalui pengalaman itu, bahawa perkara paling penting ialah penyisihan agama dari kehidupan. Kerana itu negara umat Islam mula menuruti jejak langkah Barat dengan menyisihkan agama demi mencapai kemajuan dan kemodenan dalam kenegaraan.

Berdasarkan sejarah ideologi moden ini, umat Islam seharusnya sedar tentang kesilapan pakej yang dibawa oleh Barat ke dalam dunia umat Islam. Barat mempopularkan kemodenan dengan kempen penyisihan agama, dengan tanggapan agama adalah penghalang kepada kemajuan. Sebenarnya Barat sendiri tidak menyedari bahawa penolakan terhadap agama Kristian oleh masyarakatnya adalah munasabah kerana ajaran Kristian sendiri telah diselewangkan daripada ajarannya yang sebenar. Dalam hal ini, Barat telah melakukan kesilapan yang etara

apabila menghukumkan semua agama adalah salah, sama seperti kesalahan agama Kristian yang mereka anuti sebelum ini. Sedangkan rekod kejayaan tamadun Islam adalah berbeza daripada situasi yang berlaku di Barat. Tamadun Islam telah membuktikan melalui sejarah kegemilangannya yang memimpin dunia adalah atas nama agama Islam yang adil. Sejarah dunia sendiri mengakui Islam dapat melaksanakan keadilan dan kesejahteraan walaupun ketika berdepan dan berurusan dengan masyarakat bukan Islam. Kerana itu perlu diketahui bahawa tujuan Barat mempromosikan ideologi moden kepada dunia umat Islam masa kini bukan untuk kebaikan, bahkan ia adalah satu propaganda jahat untuk melemahkan dan mengekalkan umat Islam dalam kebergantungan kepada Barat dengan slogan pemodenan yang tidak akan pernah sampai ke penghujungnya. Selagi mana umat Islam konsisten dengan pegangan agama Islam sebenar, selama itulah tamadun Islam akan memimpin dan menguasai dunia termasuklah dunia Barat sendiri. Justeru umat Islam perlu bangkit membetulkan keadaan dengan cara kembali berpegang dan beramal dengan ajaran Islam yang sebenar.

RUJUKAN

- Abdullah, A. R. H. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad, Q. (2003). *Eropah Moden; Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan*. c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bukhari, M. I. (1998). *Sahih al-Bukhari: Kitab al-Manaqib*. susunan: Abu Suhaiyb al-Karami. al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Nadawi, A. H. (t.t.). *Madha Khasira al-'Alam bi Inhitat al-Muslimin*. al-Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Baharom, N. (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Broadberry, S., & Gupta, B. (2006). The early modern great divergence: Wages, prices and economic development in Europe and Asia, 1500–1800 1. *The Economic History Review*, 59(1), 2-31.
- Encyclopaedia Britannica* (1973), volume 19, USA: International Copyright Union.
- Galor, O., & Mountford, A. (2006). Trade and the great divergence: The family connection. *American Economic Review*, 96(2), 299-303.
- Hyland, P., Gomez, O., & Greensides, F. (2003), *The Enlightenment: A Sourcebook and Reader*. London: Routledge.
- Ibn Kathir, I. (1994). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Semakan: 'Abd al-Qadir al-Arna'ut. Damsyik: Maktabah Dar al-Fiha'.
- Kamal, M. K. (2009). *Sejarah Eropah*. Malaysia: Prentice Hall.
- Kennedy, P. (1994). *Kebangkitan Dan Kejatuhan Kuasa-kuasa Besar: Perusahaan Ekonomi dan Konflik Ketenteraan Dari Tahun 1500 ke 2000*. terj. Mohd Nor Long et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar (2006). *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan Dar al-Hikmah.
- Khalif Muammar (2009). Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran Dari Masa Lalu, dalam *Jurnal Hadhari*. bil. 2. Kuala Lumpur: JAKIM.

- Noordin, S. (1998). *Islam, Al-Quran Dan Ideologi Masa Kini*. c. 8. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noordin, S. (2001). *Sains Menurut Perspektif Islam*. c. 13. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramli, W. A. W. (2014). Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak. *Jurnal Usuluddin*, 40, 27-50.
- Randall, J. H. (1962). *The Career of Philosophy Volume 1: From Middle Ages to Enlightenment*. New York and London: Columbia University Press.
- Shawqi, A. K. (1994). *Al-Hadarah al-'Arabiyyah al-Islamiyyah; wa Mujiz 'an al-Hadarat al-Sabiqah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Sivachandralingam, S. R. (1996). *Tamadun Eropah*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Susmihara, S. (2017). *Sejarah Peradaban Dunia 1*. Makassar: Alauddin University Press.
- William, H. M. (1994). *Kebangkitan Barat: Sejarah Masyarakat Manusia*. terj. Khidmat Terjemahan Nusantara Sdn. Bhd. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof, M. I. (1991). *Aspek dan Perkembangan Falsafah Sejarah Dunia Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis

Muhammad Nasron bin Yaacob, Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah & Islamic Studies di Universiti Mu'tah, Jordan. Ijazah Sarjana Usuluddin di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dalam pengkhususan Akidah & Pemikiran Islam. Seterusnya beliau menyambung pengajian ke peringkat Ph.D di Universiti Sains Malaysia dalam bidang Usuluddin (Akidah dan Falsafah). Di samping itu beliau Pensyarah di KIAS Nilam Puri Kota Bharu Kelantan sejak tahun 2004 sehingga kini.